

## **TEKS UCAPAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI MELAKA**

**TEMA : 'HARI MALAYSIA'**

Yang Saya Hormati Saudara Pengerusi Majlis

Yang Saya Kasihi Timbalan-timbalan pengarah kesihatan negeri,

Ketua-ketua Jabatan serta Hadirin hadirat yang dirahmati sekalian,

Salam Sejahtera,

Salam Satu Malaysia,

Salam Melaka Maju, Negeriku Sayang,

Negeri Bandar Teknologi Hijau,

Melaka 752 Tahun.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan-timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Ketua-ketua jabatan serta semua warga kesihatan Negeri Melaka ke Majlis Perhimpunan Bulanan kali Ke-9 bagi tahun 2014 ini .

Ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada Bahagian Perubatan, JKN Melaka khasnya kepada Datuk Dr Dul Hadi bin Mat Junid selaku penganjur perhimpunan bulan ini yang akan berkisar tentang 'HARI MALAYSIA'.

Y. Bhg. Datuk, Tuan –tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Malaysia adalah sebuah Negara yang unik dengan keharmonian rakyatnya yang berbilang kaum dan berbeza budaya daripada zaman sebelum kemerdekaan lagi sehingga Negara berdaulat ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

Setelah 51 tahun Sabah dan Sarawak mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Persekutuan Malaysia, semalam adalah hari penuh sejarah bagi seluruh rakyat negara ini iaitu 16 September diiktiraf sepenuhnya sebagai Hari Malaysia. Seajar dengan itu ia diumumkan hari cuti umum yang bermula sejak tahun 2010.

Selepas ini tiada alasan lagi untuk kita lupa daripada mengingati sejarah dan tarikh pembentukan Malaysia apabila Sabah dan Sarawak menyertai Persekutuan Tanah Melayu pada 16 September 1963.

Tarikh terbentuknya Malaysia perlu lebih dihayati, dikenang dan dihargai bukan sahaja oleh rakyat Sabah dan Sarawak tetapi juga seluruh rakyat Malaysia.

Negara kita tercinta Malaysia bertuah, dapat merayakan dua hari kebangsaan secara berkembar iaitu Hari Merdeka pada 31 Ogos bagi mengingatkan rakyat akan perjuangan mencapai kemerdekaan dan Hari Malaysia pada 16 september yang dirayakan dengan acara-acara bersifat mengeratkan perpaduan dan persefahaman antara kaum seajar dengan semangat 1Malaysia. Pada hari tersebut seharusnya rakyat di seluruh negara dapat merapatkan lagi hubungan antara kaum dalam suasana muhibah.

Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia ini seharusnya memanjatkan rasa kesyukuran kerana Negara kita tercinta masih berjaya mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan Negara melalui perpaduan dan kerjasama rakyat.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

Kita juga baru sahaja meraikan hari kemerdekaan yang ke 57 pada 31 Ogos yang lalu. Tema “Di sini lahirnya sebuah cinta” memiliki maksud yang mendalam buat semua rakyat Malaysia di mana kecintaan kepada Negara mestilah dipupuk bagi menjamin kesejahteraan serta keharmonian sesebuah negara. Tema yang diambil dari lirik lagu “Warisan” nyanyian Allahyarham Sudirman ini dapat menyuntik semangat setiap warganegara Malaysia untuk cintakan tanah air kita.

Hadirin hadirat sekalian,

Di era globalisasi ini, sesebuah Negara bukan sahaja dapat dijajah melalui peperangan, akan tetapi penjajahan melalui pemikiran yang sangat bertentangan dengan nilai-nilai ketimuran yang telah menjadi budaya masyarakat Malaysia. Pengaruh-pengaruh negatif yang dipaparkan di media sosial maupun internet secara tidak langsung memberikan kesan negatif terutamanya kepada generasi muda yang akan menjadi tulang belakang Negara kita kelak. Kita sepatutnya tidak lalai dan leka dan sekaligus memberi ruang kepada penjajah atau anasir-anasir jahat untuk bertindak sekaligus memecah-belahkan kita sebagai rakyat Malaysia, Bak Kata Pepatah Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh.

Sehubungan dengan itu,

Y. Bhg. Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya menyeru kepada semua Warga Kesihatan Negeri Melaka , kita sebagai rakyat Negara bertuah ini, perlu bersama-sama menanamkan Rasa Cinta Kepada Negara kita Malaysia dan sentiasa bersedia untuk memberikan komitmen dalam memastikan perpaduan serta keharmonian Negara ini dikekalkan dan sekaligus mencurahkan rasa bakti kepada negara tercinta ini. Ini adalah kerana Negara ini tiada galang gantinya sebab ia dibina daripada titik peluh semua bangsa Malaysia.

Saya Sudahi Ucapan Saya Dengan 2 Rangkap Pantun

Di Mana Bumi Dipijak,  
Di Situ Langit Dijunjung,  
Kekalkan Kemerdekaan Yang Mutlak,  
Agar Malaysia Disanjung.

Hiasi Kata dengan Bahasa,  
Bahasa Malaysia Bahasa Utama,  
Negara Kita Berbilang Bangsa,  
Kekalkan Kemakmuran Hidup Bersama.

‘SELAMAT MENYAMBUT HARI MALAYSIA’!

Sekian, Terima Kasih.